

25th Oktober 2023

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA PENSIJILAN RSPO (P&C).

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

Kuala Lumpur Kepong Berhad – KLK (S) Pinang Palm Oil Mill, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunapakai semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – Malaysia National Interpretation (MYNI) Nov 2019 – RSPO SCC Systems Documents 2020.

Seerti yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada 4th – 8th **Disember 2023** di pejabat syarikat seperti tertera. Jadi Tuan/Puan boleh menghantar sebarang komen jika berkenaan dalam tempoh masa bermula sekarang sehingga closing meeting pada hari terakhir penilaian.

Syarikat Pemohon	Kuala Lumpur Kepong Berhad – KLK (S) Pinang Palm Oil Mill
RSPO Membership	1-0014-04-000-00
RSPO Palmtrace (RSPO PO_ID)	RSPO_PO1000000427

Butiran Pemohon	Mr. Thien Jing Wen jw.thien@klk.com.my Tel : 605) 2417 844 Address: Batu 42, Jalan Tawau-Semporna, Beg Berkunci No. 3, 91009 Tawau, Sabah, Malaysia.
------------------------	--

Maklumat ringkas perniagaan pemohon	<p>Kuala Lumpur Kepong Berhad (“KLK”) ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dengan permodalan pasaran kira-kira RM22.318 bilion pada akhir September 2022. KLK adalah antara syarikat perladangan terbesar di Malaysia, dengan bank tanah seluas hampir 300,000 hektar, tersebar di seluruh Malaysia (Semenanjung dan Sabah), Indonesia (Pulau Belitung, Sumatera, Kalimantan) dan Liberia.</p> <p>Dari rekod RaCP Tracker, Kompleks KLK (S) Pinang tidak mempunyai proses New Planting Procedure (NPP) dan Remediation and Compensation Plan (RaCP) yang sedang berjalan dengan RSPO.</p>
--	--

MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Model Rantaian Bekalan	Lokasi	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
	MT/JAM		Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
KLK (S) Pinang POM	45	IP	Mile 45, Tawau – Semporna Highway, 91009 Tawau, Sabah	118.27819E	4.45041N	42,508	6,612

RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
Ladang Pinang	Mile 45, Jalan Tawau – Semporna	118.27103	4.43266	2,420	2,328	52,685
Ladang Pangeran		118.26775	4.44199	2,855	2,604	56,676
Ladang Jatika		118.29094	4.55800	3,508	3,201	51,308
Ladang Sigalong		118.29792	4.44597	2,864	2,770	38,391
JUMLAH				11,647	10,903	199,060

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd,
No.10, Jalan Rasmi 7,
Taman Rasmi Jaya,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689
Fax: +60 3 4256 2687
Email: jamal@ggc.my / admin@ggc.my



Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

Muhd Jamalul Arif bin Hamid (Ketua Juruaudit)

Latar belakang pendidikan dalam Pengurusan Perladangan dan Pengukuran Kargo Laut dengan pengalaman bekerja dalam mengendalikan tinjauan kargo Kualiti & Kuantiti untuk produk pertanian seperti minyak sawit, kacang soya, jagung dan gula. Juga berkecualan dan terlibat dalam audit kelestarian dan Sistem Pengurusan sejak 2011 untuk kebanyakan standard kelestarian seperti audit RSPO, ISCC, MSPO, Global Gap, GMP, SMETA, ESCAS dan audit pihak kedua. Terlibat dalam RSPO P&C, NEXT dan SCCS yang dijalankan di Malaysia, Indonesia, Colombia, Ecuador, Ivory Coast, Papua New Guinea dan Negara Timur Tengah.

Melengkapkan Latihan Juruaudit ISO 9001: 2008 pada tahun 2011, dilatih dalam keperluan ISO 19011 & 17021 pada tahun 2014, Social Skill Auditing Conversion against RSPO, MSPO, ETI & SEDEX pada tahun 2015, kursus Ketua Juruaudit RSPO P&C pada tahun 2013, 2016 dan 2019, Latihan Auditor RSPO SCC pada tahun 2015, Latihan Auditor MSPO pada tahun 2014 (Batch ke-3) yang diadakan oleh MPOB, Latihan Juruaudit MSPO SCCS pada tahun 2018, Kursus Latihan Keselamatan Asas dan lain-lain. Ahli pasukan audit GGC MSPO. Mampu bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Adnin Aminurrashid Bin Zilah (Juruaudit)

Siswazah dalam Pengurusan Ladang dengan lebih daripada 10 tahun pengalaman dalam pelbagai syarikat perladangan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Juga, mempunyai pengalaman lebih dari 5 tahun sebagai Juruaudit / Ketua Juruaudit dalam pelbagai audit skim. Telah menghadiri dan berjaya menamatkan kursus persijilan Ketua Juruaudit MSPO yang dijalankan pada Disember 2017. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2018 yang dijalankan untuk banyak syarikat yang berbeza di Malaysia. Berjaya menamatkan kursus dalam Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015 untuk Ketua Juruaudit pada tahun 2017 dan 2018.

Berpengalaman dalam mengendalikan ladang kepala sawit di kawasan mineral dan tanah gambut. Berpengetahuan dalam kawalan rumpai dan perosak & penyakit dalam sektor kelapa sawit. Memahami berhubung Industrial dan undang-undang buruh. Menghadiri kursus OSH 1994 & Alam Sekitar dan Latihan Keperluan Undang Undang & Peraturan yang berkaitan. Mengambil bahagian dalam Bengkel MSPO Peer Reviewer yang dijalankan oleh pihak MPOCC pada 2017. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Mohd Azmi Samynathan bin Abdullah (Juruaudit)

Graduan MBA dalam jurusan Pengurusan Sumber Manusia (University of Western Sydney) Sarjana Muda Perniagaan dalam Pentadbiran Perniagaan (RMIT University, Australia), Diploma Pengurusan Sumber Manusia (University Malaya) dan Sijil Pertanian dari Institut Pertanian Semenanjung Malaysia.

Beliau memiliki pengalaman luas dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia yang merangkumi lebih dari dua dekad dalam Industri pembuatan. Sebelum ini, beliau memegang pelbagai Jawatan Pengurusan Sumber Manusia & Pentadbiran dengan beberapa Syarikat Multinasional. Azmi mempunyai pengalaman luas dalam pengambilan Tenaga Kerja Asing, menguruskan proses Rundingan Damai di Jabatan Tenaga Kerja dan di Jabatan Perhubungan Perusahaan, menangani masalah Disiplin Pekerja, Kebajikan Pekerja, Mengkaji & Mengemas kini Dasar dan Prosedur Sumber Manusia. Dia telah menasihati pengurusan syarikat sepanjang kariernya mengenai keperluan Undang-Undang Buruh. Selain dari itu, Mohd Azmi, adalah Anggota Panel Mahkamah Perhubungan Perusahaan Malaysia mewakili majikan yang telah dilantik oleh Menteri Sumber Manusia. Seterusnya, beliau juga merupakan Juruaudit "External Supply Chain Assurance System" (ESCAS) dalam industry ternakan dan telah menjalankan Audit di Malaysia, Brunei, Singapura dan Vietnam.



Selain pengalamannya yang luas dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia, Azmi juga merupakan juruaudit yang bertauliah dan berpengalaman dalam sistem audit pihak kedua dan ketiga. Dilatih sepenuhnya dalam audit Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2008 dan audit Kelastarian MSPO, MSPO-SCCS dan RSPO. Seterusnya beliau telah menghadiri “Social Auditing Workshop” di Melaka pada tahun 2019 yang dikendalikan oleh Verite. Beliau adalah ahli pasukan audit GGC dan boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan lancar.

Nur Zafirah binti Zulkifli (Juruaudit)

Berkeputusan dalam Ijazah Sarjana Sains - Teknologi Persekitaran dan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Agro Technopreneurship) Dengan Kepujian dengan pengalaman bekerja lebih daripada 4 tahun dalam pengurusan alam sekitar dan sektor sains. Juga, mempunyai pengalaman 3 tahun sebagai juruaudit untuk skim MSPO. Terlatih sepenuhnya dalam program pensijilan minyak sawit seperti MSPO, SCCS dan lain-lain. Layak sebagai Juruaudit dalam beberapa program pensijilan. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2019.

Menamatkan dan menghadiri Latihan Juruaudit Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) 2530:2013, Latihan Juruaudit MSPO SCCS dan Kursus Latihan Juruaudit/ Ketua Juruaudit ISO 9001:2015 & 14001:2015, Sistem Pengurusan Bersepadu. Ahli pasukan audit MSPO GGC. Berkebolehan bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
E-mel : _____
Nombor Telefon : _____
Ringkasan Isu : _____

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan "SULIT" di penjuru atas borang tersebut.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



Muhd Jamalul Arif,
Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Lampiran 1 – Peta Lokasi

